

**NARRATIVE STUDY OF ZAKAT GOLD JEWELRY (AL-HULI):
GOLD MIXING ISSUE**

**KAJIAN NARATIF ZAKAT EMAS PERHIASAN (AL-HULI):
ISU PERCAMPURAN EMAS**

Syazwani Abd Rahimⁱ, Siti Noor Ain Azizⁱⁱ, Mohamad Zaki Razalyⁱⁱⁱ, Mohd Asyadi Redzuan^{iv},
Aemy Aziz^v & Khadijah Amira Abdul Rashid^{vi}

- ⁱ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. syazwanirahim@uitm.edu.my
- ⁱⁱ (*Corresponding author*). Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. sitin308@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. moham694@uitm.edu.my
- ^{iv} Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. mohda131@uitm.edu.my
- ^v Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. aemy@uitm.edu.my
- ^{vi} Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. amirarashid@uitm.edu.my

Received: 23 September 2024

Article Progress
Revised: 28 January 2025

Accepted: January 2025

Abstract

This study examines issues related to the zakat on gold jewelry (al-huli), focusing on the problems of gold mixing in the process of determining zakat in Malaysia. This issue becomes more complex when each state in Malaysia uses different uruf rates, leading to variations in the methods of calculation and the determination of the obligation for jewelry gold zakat. This study is significant because it highlights the differences in zakat practices between states and touches on technical matters such as the assessment of gold purity, which has not received sufficient attention. The objective of this study is to examine the ruling on zakat for mixed gold jewelry according to the views of scholars, analyze the establishment of customs by the states, and assess the purity of gold and the mixing of gold and silver as factors for the obligation of zakat. This study uses a qualitative approach through library research, involving descriptive analysis of classical texts, journals, and definitive and rational evidence. As a result, the study found that customs and methods of calculating zakat on jewelry gold differ between states in Malaysia. This study contributes to the understanding of the issue of jewelry gold zakat and refines the assessment of gold authenticity by the authorities in calculating zakat fairly and accurately.

Keywords: Zakat, Jewellery Gold, Gold Mixing, Uruf Rate, Gold Purity

Abstrak	<p><i>Kajian ini mengkaji isu berkaitan zakat emas perhiasan (al-huli), dengan memfokuskan permasalahan terhadap percampuran emas dalam proses penentuan zakat di Malaysia. Isu ini menjadi lebih kompleks apabila setiap negeri di Malaysia menggunakan kadar uruf yang berbeza, yang membawa kepada variasi dalam kaedah pengiraan dan penetapan kewajipan zakat emas perhiasan. Kajian ini menjadi signifikan kerana ia menyoroti perbezaan amalan zakat antara negeri-negeri dan menyentuh perkara teknikal seperti penilaian ketulenan emas, yang belum mendapat perhatian yang mencukupi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hukum zakat emas perhiasan yang bercampur menurut pandangan fuqaha, menganalisis penetapan uruf oleh negeri-negeri serta menilai ketulenan emas dan percampuran emas-perak sebagai faktor kewajipan zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan, melibatkan analisis deskriptif terhadap teks klasik, jurnal dan dalil qat'ie serta aqli. Hasilnya, kajian mendapati bahawa uruf dan kaedah pengiraan zakat emas perhiasan berbeza antara negeri di Malaysia. Kajian ini memberi sumbangan kepada pemahaman tentang isu zakat emas perhiasan dan memperhalusi terhadap penilaian ketulenan emas oleh pihak berautoriti dalam pengiraan zakat dengan adil dan tepat.</i></p> <p>Kata kunci: Zakat, Emas Perhiasan, Percampuran Emas, Kadar Uruf, Ketulenan Emas.</p>
----------------	--

PENDAHULUAN

Islam mewajibkan setiap individu Muslim yang memiliki emas mengeluarkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat tertentu. Zakat ke atas emas khususnya emas perhiasan yang dipakai oleh wanita telah menjadi topik perbincangan dalam kalangan fuqaha sejak zaman silam. Emas termasuk dalam kategori harta yang subur kerana ia berkembang nilainya dan boleh disimpan sebagai aset pelaburan. Justeru, zakat emas perhiasan wajib dikeluarkan apabila syarat-syarat tertentu seperti nisab (jumlah minimum harta yang perlu dimiliki seseorang untuk mewajibkan zakat) dan haul (tempoh masa satu tahun hijrah (354 hari) harta tersebut berada dalam pemilikan seseorang) dipenuhi. Emas yang disimpan tanpa digunakan wajib dikenakan zakat. Begitu juga, emas yang dipakai sebagai perhiasan oleh wanita perlu dizakatkan jika beratnya melebihi kadar *uruf* (adat kebiasaan) yang ditetapkan.

Namun begitu, timbul isu dalam penentuan kadar zakat emas perhiasan yang bercampur serta ketulennannya (Abu Bakar, 2019). Isu ini ditambah pula dengan variasi *uruf* setiap negeri yang berbeza, menyebabkan pendekatan pengiraan zakat emas tiada keseragaman di Malaysia (Abdullah et al., 2024; Rosle et al. 2019). Di Malaysia, institusi zakat telah mengkategorikan emas yang wajib dikenakan zakat kepada tiga pecahan yang utama; iaitu emas yang disimpan (*ghair al-huli*), emas perhiasan wanita (*al-huli*) dan emas yang dilaburkan (Lembaga Zakat Selangor, 2017; Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017). Namun, kajian ini hanya terhad kepada perbincangan tentang zakat emas perhiasan wanita (*al-huli*). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji zakat emas perhiasan mengikut *uruf* terkini setiap negeri di Malaysia dan mengkaji zakat ke atas emas yang bercampur. Hal ini kerana, pencerahan dan panduan yang jelas kepada masyarakat Muslim dan institusi zakat tentang zakat emas perhiasan dan ketepatan dalam pengiraan adalah signifikan untuk memastikan keadilan dan keteluan dalam sistem zakat dalam mencapai matlamat sosial yang lebih besar. bagi mematuhi tuntutan Islam, institusi zakat seharusnya memiliki ciri-ciri profesional, akauntibiliti dan ketelusan dalam menguruskan kutipan zakat dengan efisien dan cekap (Abdullah, 2023).

DEFINISI EMAS

TAKRIF BARANG KEMAS DAN PERHIASAN DAN KEGUNAANNYA

Merujuk kepada Mohd Shah Al-Hashimi (2014), barang perhiasan ~~pula~~ ialah setiap benda yang dijadikan sebagai perhiasan yang diperbuat daripada emas atau perak di mana tujuannya untuk memperagakan kecantikan, keelokan dan kemewahan. Manakala, alat kegunaan yang dimaksudkan ialah alat kegunaan harian yang diperbuat dari emas atau perak seperti sudu, garfu, pinggan, bekas dan sebagainya.

Barang kemas merujuk kepada barangan yang diperbuat daripada logam berharga seperti emas dan perak yang direka untuk dipakai sebagai perhiasan (Agha et al., 2015; Nordin et al., 2019; & Garg, 2021). Merujuk kepada Bhari et al. (2019), emas ialah sejenis logam bernilai yang menunjukkan lambang kekayaan harta dan akan berkembang. Definisi ini merangkumi objek seperti cincin, gelang, rantai, dan anting-anting yang tidak hanya digunakan sebagai aksesori tetapi juga sebagai simbol status dan kekayaan. Dalam konteks Islam, barang kemas juga sering dikaitkan dengan hukum zakat, di mana terdapat perbincangan mengenai *uruf* yang mempengaruhi penentuan wajib zakat pada emas perhiasan. Sebagai contoh, di Malaysia, *uruf* memainkan peranan penting dalam penentuan *nisab* zakat bagi emas perhiasan, di mana emas yang disimpan untuk tujuan perhiasan tidak dikenakan zakat melainkan ia melebihi kadar yang biasa digunakan oleh wanita tempatan (Nordin et al., 2019).

Emas, khususnya digunakan secara meluas dalam pembuatan barang kemas, yang tidak hanya berfungsi sebagai perhiasan tetapi juga sebagai bentuk pelaburan yang selamat dan boleh dicairkan dengan mudah. Di India sebagai contoh, emas dalam bentuk barang kemas kekal sebagai bentuk pelaburan yang dominan, yang berfungsi sebagai pelindung nilai terhadap inflasi dan selaku aset yang boleh dicairkan semasa kecemasan kewangan (Garg, 2021). Dalam konteks moden, barang kemas sering dikaitkan dengan identiti peribadi dan digunakan untuk menunjukkan citarasa, keperibadian, dan kedudukan dalam masyarakat (Sreekullkorn, 2023).

DALIL WAJIB ZAKAT PADA BARANG KEMAS, PERHIASAN DAN ALAT KEGUNAAN

Antara dalil kewajipan zakat pada barang kemas, barang perhiasan dan alat kegunaan adalah berdasarkan;

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Taubah ayat 34 menyebut;

﴿يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبُطْلِ وَيَصْنُدُونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۗ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا ينفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ﴾

Maksudnya: ...Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (al-Quran. Al-Taubah: 43).

Terdapat beberapa hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang memberi ancaman kepada mereka yang enggan mengeluarkan zakat barang kemas, antaranya;

{مَنْ كَنَزَهَا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاةَهَا فَوَيْلٌ لَهُ}

Maksudnya: Sesiapa yang menyimpan emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, disediakan baginya Neraka Wail. (Riwayat al-Bukhari, 1404)

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ امْرَأَةً مِنْ أَهْلِ الْيَمَنِ أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنَتْ لَهَا فِي يَدِ ابْنَتِهَا مَسَكَّتَانِ غَلِيظَتَانِ مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَ أَتُؤَدِّينَ زَكَاةَ هَذَا قَالَتْ لَا قَالَ أَيَسُرُّكَ أَنْ يُسَوِّرَكَ اللَّهُ عَرَّ

وَجَلَّ بِهَمَّا يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَوَارَيْنِ مِنْ نَارٍ قَالَ فَخَلَعْتُهُمَا فَأَلْفَقْتُهُمَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ هُمَا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ {

Maksudnya: *Daripada 'Amru bin Syu'aib, daripada bapa dan datuknya katanya, seorang perempuan telah datang berjumpa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dengan membawa bersama anak perempuannya. Di pergelangan tangan anak perempuannya terdapat dua bentuk gelang besar yang diperbuat dari emas. Lalu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bertanya, "Adakah kamu telah mengeluarkan zakat ini." perempuan itu menjawab: Tidak. Lalu baginda berkata, "Adakah kamu suka pada hari kiamat nanti Allah akan memakaikan kamu dengan dua gelang dari api neraka." Lantas, perempuan itu menanggalkan gelang tersebut dan mencampakkannya kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sambil berkata: Kedua-dua gelang ini untuk Allah dan Rasul-Nya. (Riwayat Abu Daud, 1563).*

Hadis seterusnya, Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ مَا مِنْ صَاحِبٍ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ، لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحٌ مِنْ نَارٍ، فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ، كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ، فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ، حَتَّى يُفْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ، فَيُرَى سَبِيلُهُ، إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِمَّا إِلَى النَّارِ } ٥

Maksudnya: *"Setiap pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, akan dibentangkan beberapa kepingan daripada api neraka yang dipanaskan di dalam neraka Jahannam pada hari Kiamat. Kemudian, kepingan tersebut digosok-gosokkan ke dahi dan belakangnya setiap hari, yang bersamaan dengan 50 ribu tahun. Setiap kali kepingan itu sejuk, ia dipanaskan semula. Demikianlah keadaannya sehingga semua hamba dibicarakan dan mengetahui jalannya sama ada ke syurga atau ke neraka. (Riwayat Muslim, 987)*

{ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ كُنْتُ أَلْبَسُ أَوْصَاحًا مِنْ ذَهَبٍ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَكُنْزٌ هُوَ فَقَالَ مَا بَلَغَ أَنْ تُؤَدَّى زَكَاتُهُ فَرُكِّي فَلَيْسَ بِكُنْزٍ {

Maksudnya: *Daripada Ummu Salamah katanya, saya telah memakai audah (sejenis barang kemas) yang diperbuat dari emas. Lalu saya bertanya kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah, adakah ia merupakan suatu barang timbunan (harta karun). Lalu baginda bersabda, "Jika ia cukup nisab, maka tunaikan zakatnya, setelah itu ia tidak menjadi barang timbunan lagi." (Riwayat Abu Daud, 1564).*

Oleh itu, kesemua hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mewajibkan zakat pada barang-barang kemas berdasarkan peristiwa-peristiwa di atas di mana baginda memberi peringatan bahawa mereka yang tidak mengeluarkan zakat dari barang kemas yang dimiliki akan mendapat bahagian dan siksaan yang pedih di dalam api neraka pada hari kiamat kelak. Justeru, ancaman tersebut merupakan suatu kewajipan yang wajib dilaksanakan iaitu mengeluarkan zakat bagi barang-barang kemas atau perhiasan.

Terdapat juga ulama' yang bersandarkan kepada dalil *ma'qul* (logik akal atau rasional) dalam mewajibkan zakat pada barang kemas dan perhiasan, antaranya; Al-Sarakhsi (1989) berpandangan bahawa, zakat merupakan kewajipan yang bersangkutan dengan 'ain emas dan perak yakni zat emas dan perak itu sendiri. Oleh itu, sekalipun emas dan perak dibentuk dengan pelbagai bentuk atau pembuatan, namun sekali-kali tidak menggugurkan sifat emas dan perak yang ada pada pembuatan tersebut. Seterusnya menurut beliau lagi, Allah Subhanahu wa Taala tetap mengambilkira emas dan perak

sebagai suatu zat sekalipun dalam sifat yang berlainan untuk mewajibkan zakat seperti barang kemas atau perhiasan dalam pelbagai kegunaan sama ada pemiliknnya menggunakan emas atau perak tersebut sebagai bayaran nafkah atau tujuan yang lain, maka ia wajib dikeluarkan zakat sekalipun barang-barang tersebut dianggap sebagai basahan yang digunakan setiap masa.

Sementara itu, menurut Mohd Shah al-Hashimi (2014), beliau menyatakan al-Zaila'i berpandangan bahawa, emas dan perak tidak akan tergugur zakatnya sekalipun dijadikan sebagai barang kegunaan seperti barang kemas atau alatan harian. Begitu juga, jika emas dan perak tersebut dijadikan sebagai bayaran nafkah, atau barang kemas yang dipakai oleh lelaki ataupun perempuan sekalipun melebihi dari penggunaan yang biasa, maka wajib dikenakan zakat walaupun penggunaannya seperti baju basahan. Menurutnya, ini kerana emas dan perak dijadikan sebagai mata wang untuk pertukaran dalam urusan perniagaan. Oleh itu, nilainya sebagai mata wang tidak akan hilang atau batal jika digunakan sebagai barang kemas atau perhiasan.

HUKUM ZAKAT BARANG KEMAS PERHIASAN

Al-Qaradhawi (2006) mengklasifikasikan emas yang dikenakan zakat kepada dua kategori. Pertama, emas yang dimiliki sebagai bahan belum proses seperti jongkong atau sebagai bahan pertukaran dalam urus niaga seperti matawang dan sebagainya. Kategori kedua ialah, permilikan emas dalam bentuk barangan seperti peralatan, barang perhiasan, barang kemas dan sebagainya. Kesemua ini bergantung kepada tuntutan dikenakan zakat.

Menurut Mohd Shah al-Hashimi (2014), ulama-ulama al-Hanafiyah berpendapat bahawa emas dan perak dalam apa jua bentuk sama ada berbentuk bijih atau barang kemas atau bekas atau sebagainya seperti kegunaan yang lain, maka wajib dikeluarkan zakat padanya sekiranya telah mencapai paras *nisab*. Di samping itu, zakat diwajibkan ke atas barang-barang kemas dan perhiasan sama ada:

- i. Ia dipakai oleh kaum perempuan, atau;
- ii. Ia dipakai oleh orang lelaki sekalipun diharamkan kepada mereka, atau;
- iii. Ia digunakan sekadar untuk keperluan, atau;
- iv. Ia digunakan melebihi daripada keperluan biasa, atau;
- v. Ia disimpan untuk tujuan perniagaan, atau;
- vi. Ia disimpan untuk pemberian nafkah, atau;
- vii. Ia digunakan untuk tujuan perhiasan, kecantikan dan keindahan, atau;
- viii. Pemiliknnya tidak mempunyai tujuan apa-apa selain simpanan sahaja.

Islam mengakui pemakaian emas perhiasan ini selagimana tidak wujud pembaziran dan perkara maksiat serta persaingan yang boleh merosakkan sesuatu adat yang pada asalnya baik. Perhiasan yang melampaui batas hanya menonjolkan keegoan si pemakai dan hasad dengki yang boleh memberi kesan tidak baik kepada manusia. Islam tampil dengan satu kaedah mewajibkan zakat sekiranya pemakaiannya bukan lagi bertujuan *syar'i*. Merujuk kepada Md Ariffin (2016), al-Qaradhawi dalam kitabnya yang masyhur *Fiqh al-Zakah* telah menghuraikan bahawa penentu hukum kepada isu ini adalah berdasarkan *uruf* masyarakat, al-Qaradhawi juga menegaskan bahawa tidak ganjil sekiranya kadar *nisab* yang didapati bersumberkan *uruf* tersebut akan berlainan mengikut tempat. Selain itu, mengikut Hamid dan Wahab (2017), dalam konteks hukum zakat bagi barang kemas, perhiasan dan alat kegunaan, zakat diwajibkan ke atas barang kemas yang disimpan sebagai pelaburan atau apabila jumlahnya melebihi had *uruf* yang ditetapkan oleh negeri. Sebaliknya, barang kemas yang digunakan sebagai perhiasan dan alat kegunaan tidak diwajibkan zakat, kecuali jika melebihi had *uruf* atau disimpan sebagai harta. Contohnya, fatwa di beberapa negeri seperti Selangor menetapkan bahawa zakat tidak wajib dikenakan ke atas perhiasan yang digunakan secara aktif oleh wanita, kecuali jika jumlahnya melebihi kadar *uruf* yang biasa digunakan (Lembaga Zakat Selangor, 2024).

Namun begitu, sebahagian ulama seperti Maliki, Shafi'i dan Hanbali tidak mewajibkan pengeluaran zakat emas perhiasan selagi mana memenuhi beberapa kriteria yang telah ditentukan. Adapun sebahagian yang lain seperti Hanafi mewajibkannya (Yasin et al., 2018). Di Malaysia, pandangan yang menyatakan zakat tidak wajib bagi emas perhiasan telah diguna pakai. Bagaimanapun, sekiranya pemakaian emas perhiasan melebihi kadar *uruf*, maka diwajibkan zakat. Oleh itu, *uruf* atau disebut juga sebagai kebiasaan telah dijadikan sebagai ukuran dalam menetapkan kadar yang mewajibkan zakat emas perhiasan.

Merujuk kepada Bhari et al. (2019), emas adalah logam yang mesti dikenakan zakat sama seperti sumber-sumber kekayaan lain. Di Malaysia, emas ialah harta yang dikenakan zakat yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat. Merujuk kepada Mohd Sayuthi dan Juisin (2022), perdebatan mengenai zakat ke atas perhiasan emas menunjukkan pandangan yang berbeza dalam kalangan ulama. Ulama mazhab Hanafi, yang berpendapat bahawa semua jenis emas, termasuk perhiasan, wajib dikenakan zakat, berlandaskan kepada tafsiran literal daripada ayat al-Quran dan hadis. Dalam pandangan mereka, zakat harus dikenakan pada setiap emas yang disimpan atau digunakan sebagai harta. Sebaliknya, ulama daripada mazhab Syafi'i dan Maliki berpendapat bahawa perhiasan emas yang dipakai oleh wanita tidak diwajibkan zakat kerana dianggap tidak bersifat subur, iaitu tidak bertambah nilai dan tidak berkembang, sehingga tidak memenuhi syarat harta yang dikenakan zakat.

Al-Qaradhawi (2006) melihat pelbagai pandangan berkaitan kedudukan zakat emas perhiasan, menyatakan pandangan yang kuat (*rajih*) ialah zakat tidak wajib ke atas emas perhiasan wanita, tetapi dikecualikan dalam dua situasi:

- a) Perhiasan emas yang dikumpul bukan untuk dipakai tetapi untuk disimpan iaitu dijadikan aset simpanan, maka wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kerana emas itu telah beralih daripada perhiasan kepada simpanan.
- b) Pemilikan barang perhiasan emas itu terlalu banyak sehingga masuk dalam kategori berlebihan dan melebihi kadar biasa yang dipakai oleh wanita tempatan (*uruf*). Seandainya berlebihan berbanding adat dan kebiasaan, ia adalah dilarang atau tidak digalakkan oleh syariat (Bhari, et al., 2019).

Hukum kewajipan zakat emas perhiasan diperselisihkan oleh ulama. Menurut al-Kasani (2003) menerusi kitabnya *Bada'i'al-Sana'i'*, emas perhiasan adalah wajib dikenakan zakat. Pandangan ini mewakili pandangan ulama Hanafi yang kelihatan berbeza dengan kebanyakan pandangan ulama yang lain. Menurutnya, kewajipan zakat bagi emas telah jelas disebut menerusi Surah al-Taubah, ayat 34, tanpa membezakan sama ada emas tersebut dijadikan sebagai barangan perhiasan atau sebagainya (Yasin et al., 2018).

KADAR URUF SETIAP NEGERI BAGI EMAS PERHIASAN TERKINI

Penerimaan *uruf* adalah penting untuk menjalankan penyelidikan menyeluruh dan menyediakan analisis yang tersusun dengan baik. Takrif *uruf* yang dipertimbangkan adalah selari dengan prinsip Syariah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat. Aplikasi ini telah dibuktikan oleh ulama silam dan kontemporari dalam kes penentuan kadar pemakaian emas perhiasan (Yasin et al., 2018). Dalam konteks ini, *uruf* merujuk kepada jumlah adat perhiasan emas yang biasanya dipakai oleh kebanyakan wanita di kawasan tertentu. Al-Qaradhawi (2006) menjelaskan zakat diwajibkan sekiranya jumlah barang kemas melebihi kadar biasa sehingga mencapai tahap pembaziran. Justeru, penggunaan perhiasan emas yang melepasi kadar *uruf* diwajibkan zakat.

Garis panduan membayar zakat emas perhiasan di Malaysia dibentuk berdasarkan amalan institusi zakat negeri dan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti di setiap negeri (Rosle et al., 2019). Hal ini menyebabkan *nisab* wajib zakat emas perhiasan berbeza-beza di setiap negeri, juga dipengaruhi oleh nilai semasa emas dan nilai *uruf* yang berbeza. Imam Syafi'e berpendapat zakat emas perhiasan tidak wajib melainkan nilainya melebihi kadar kebiasaan masyarakat yang disebut sebagai kadar *uruf*. Penetapan kadar *uruf* oleh institusi

sesebuah negeri yang telah diluluskan oleh mufti negeri, hanya terpakai oleh masyarakat di dalam negeri itu sahaja.

Penentuan *uruf* dilakukan melalui kajian dan muzakarah jawatankuasa fatwa negeri-negeri masing-masing. Kewajipan zakat emas perhiasan adalah berdasarkan *uruf* seperti jadual berikut:

Jadual 1: Kadar Uruf Zakat Emas Perhiasan Setiap Negeri di Malaysia

Bil	Negeri	Tahun mula	Uruf emas lama	Uruf kiraan emas		Pertukaran			Kadar uruf terkini
				Keseluruhan Emas	Lebihan uruf	Tahun tukar	Sebab	Uruf	
1	Selangor	2000	500 gram	Ya	-	2005	Kajian lapangan	800 gram	800 gram (Telah difatwakan)
2	Wilayah Persekutuan	1991	150 gram	-	Ya	2017	Fatwa	800 gram	800 gram (Telah difatwakan)
3	Sarawak	2000	775 gram	Ya	Ya			775 gram	775 gram (Telah difatwakan)
4	Pahang	2010	200 gram		Ya	2015	Kajian lapangan	500 gram	500 gram (Tiada fatwa)
5	Perak	2004	500 gram					500 gram	500 gram (Telah difatwakan)
6	Terengganu		850 gram		Ya			850 gram	Telah difatwakan 850 gram tetapi amalan yang digunakan 150 gram. Fatwa tidak diwartakan.
7	Johor		850 gram		Ya		Kajian lapangan	425 gram	425 gram (Telah difatwakan)
8	Negeri Sembilan	2000	850 gram	Ya	-	2009	Kajian lapangan	200 gram	200 gram
9	Melaka	2011	200 gram		Ya	2016	Tukaran semasa	180 gram	180 gram
10	Perlis		170 gram	Ya				170 gram	170 gram (Telah difatwakan)
11	Pulau Pinang	N.A.	165 gram		Ya			165 gram	165 gram

									(Telah difatwakan)
12	Sabah	2009	152 gram	Ya	Ya			152 gram	152 gram (Telah difatwakan)
13	Kedah	2010	85 gram		Ya			170 gram	170 gram (Telah difatwakan)
14	Kelantan	2016	85 gram	Tiada uruf Cuma menggunakan kadar <i>nisab</i> zakat emas					

Sumber: Laman sesawang pusat-pusat zakat negeri

Zakat yang dikenakan oleh negeri yang mengambil kira nilai uruf berdasarkan berat emas yang dimiliki mesti ditolak daripada nilai *uruf*, didarab dengan nilai emas semasa, dan kemudian didarab 2.5%. Negeri yang tidak mengambil kira *uruf* pengukuran akan terus mengambil berat emas sebanyak 2.5% daripada harga emas semasa. Ringkasnya, jumlah zakat yang perlu dibayar akan lebih kecil jika ada penolakan *uruf*. Perbezaan antara kedua-dua situasi bergantung pada sama ada tolakan nilai *uruf* telah dilakukan atau tidak (Rosle et al., 2019). Tidak ada kaedah yang ditetapkan untuk mengira kadar zakat emas perhiasan yang dibayar oleh negeri-negeri Malaysia. Secara keseluruhannya terdapat dua kaedah pengiraan yang digunakan iaitu:

- Kaedah Pertama** : $(\text{Berat emas} - \text{Uruf}) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\% = \text{Jumlah Zakat}$
Kaedah Kedua : $\text{Berat emas} \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\% = \text{Jumlah Zakat}$

Jadual 2: Amalan Penggunaan atau Tolakan Uruf dalam Zakat Perhiasan Negeri-Negeri di Malaysia

Bil.	Negeri	Kaedah Kiraan
1.	Perlis	Kaedah Tanpa Penolakan Uruf
2.	Pulau Pinang	
3.	Perak	
4.	Pahang	
5.	Kedah	Kaedah Penolakan Uruf
6.	Selangor	
7.	Wilayah Persekutuan	
8.	Negeri Sembilan	
9.	Melaka	
10.	Johor	
11.	Terengganu	
12.	Sabah	
13.	Sarawak	

14.	Kelantan	Tiada
-----	----------	-------

Sumber: Laman Web Rasmi Institusi Zakat Setiap Negeri

Hukum untuk menentukan kadar *uruf* berbeza mengikut status sosial dan corak pemakaiannya. Seiring dengan peredaran masa dan peningkatan taraf hidup, maka penetapan hukum bagi masalah ini perlu diubah supaya sesuai dengan keperluan masyarakat (Md Ariffin, 2016). Menurut Rosle et al. (2019), kaedah penolakan *uruf* mempunyai analisis SWOT kerana ia dianggap lebih praktikal dan kurang membebankan pembayar.

Rajah 1: Analisis SWOT bagi Kaedah yang Ada Penolakan Uruf

<u>KEKUATAN (S)</u>	<u>KELEMAHAN (W)</u>
<ul style="list-style-type: none"> ❖ Peningkatan jumlah kutipan ❖ Psikologi positif menarik lebih ramai membayar zakat emas perhiasan ❖ Ambilkira keterbiasaan masyarakat di dalam pengiraan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kekeliruan masyarakat mengenai kadar uruf ❖ Kadar uruf yang sama berpanjangan atau tidak bersesuaian dengan tahun semasa ❖ Kesukaran persetujuan negeri-negeri lain sukar
<u>PELUANG (O)</u>	<u>ANCAMAN (T)</u>
<ul style="list-style-type: none"> ❖ Jangkaan kutipan bertambah ❖ Jangkaan agihan bertambah ❖ Peningkatan kadar uruf selari dengan peningkatan harga emas 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Individu bayar di kawasan uruf yang lebih tinggi ❖ Individu tidak membayar langung

Sumber: Rosle, Mohd Noor dan Wahid (2019)

ISU MUTU KETULENAN EMAS

1. Isu: Emas dan Ketulenannya

Emas dalam konteks hari ini diproses kepada beberapa kategori karat, atau ketulenannya dengan setiap ketulenan itu mempunyai pelbagai tujuan. Karat emas atau piawai ketulenan emas sebenarnya adalah mewakili kandungan emas yang tulen yang ada di dalam satu-satu jisim emas.

Jenis emas utama dipasaran:

- 24k = 99.9% dan ke atas, sama ada 999
- 22k = 91.6% atau 91.7% ketulenan emas atau dikenali sebagai 916
- 21k = 87.5% ketulenan emas
- 20k = 83.3% ketulenan emas
- 18k = 75.0% ketulenan emas atau dikenali sebagai emas 750
- 15k = 62.5 ketulenan emas atau 625
- 06k = 25.0% ketulenan emas atau dikenali emas 250

Pendapat Ulama Tentang *Nisab* Emas Berasaskan Ketulenan

Mazhab Syafie dan Hanbali – zakat tidak dikenakan terhadap emas yang dicampurkan dengan logam lain, kecuali setelah berat kandungan emas tulennya dengan telah cukup kadar *nisab*. Imam Nawawi menyatakan bahawa dalam mazhab Syafi'i, "Tidak ada zakat dalam emas dan perak yang bercampur sehinggalah kadar ketulenannya mencapai *nisab*." Selain itu, Ibn Qudamah turut berpendapat, "Sesiapa yang memiliki emas atau perak yang

bercampur aduk dengan selainnya, maka tidak perlu zakat sehingga jumlah kadar *nisab* emas dan perak mencukupi" (Mohd Shah al-Hashimi, 2014).

Pendapat Ulama Tentang *Nisab* Emas Berasaskan Ketulenan

Mazhab Maliki: mengambil kira kadar berat ketulenan emas dan perak sekiranya ada percampuran dengan logam lain tetapi melonggarkan syarat ini jika emas dan perak yang bercampur itu digunakan meluas dan dianggap sama sahaja dengan emas yang tulen oleh *uruf*. Dalam konteks dunia hari ini, tidak ada *uruf* yang menyamakan emas bercampur dengan emas tulen, kerana piawaian tahap ketulenan emas biasanya dinilai berdasarkan sistem karat (contohnya, 24 karat untuk emas tulen).

Mazhab Hanafi pula berpendapat hendaklah diambil kira yang mana yang lebih banyak berasaskan kaedah *aghlabiyyah* (mengutamakan apa yang lebih banyak atau lebih dominan). Jika emas situ lebih banyak melebihi 50% maka dikira emas seluruhnya. Alasan utama mazhab Hanafi ialah kesemua logam seperti dirham perak pasti akan wujud campuran dan tidak akan tulen serta pasti ada campuran.

Merujuk Che Abdullah (2024), 85 gram untuk semua ketulenan emas bercanggah dengan mazhab Syafii dan Hanbali kerana mereka ini tidak mewajibkan *nisab* jika emas emas tulen. Juga bercanggah dengan mazhab Maliki, kerana tidak ada *uruf* yang menyamakan emas tulen dengan tidak tulen di dunia. Hal ini bercanggah dengan asas hukum mazhab Hanafi kerana tidak ada kesukaran untuk membezakan ketulenan emas. Realiti emas hari ini sudah ada piawaian ketulenan emas di pasaran. Assayer Professional Encik Syukor daripada KL Assay Sdn Bhd (pengasas dan Pengarah Urusan KL Assay Office (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat terkemuka dalam industri logam berharga di Malaysia, kepakarannya dalam menentukan ketulenan emas dan perak) bersetuju *nisab* zakat emas perlu mengambil kira mutu atau ketulenan emas.

Mengikut Che Abdullah (2024), di Malaysia, terkini terdapat hanya negeri Perlis dan Wilayah Persekutuan sahaja yang mengambil kira ketulenan dalam *nisab*. Perlis melaksanakannya pada tahun 2022 manakala Wilayah Persekutuan pula pada hujung tahun 2024. Di negara Arab, majoriti negara Arab membezakan *nisab* emas berasaskan mutu emas, termasuklah Jordan, Kuwait, Qatar, Saudi Arabia, dan lain-lain.

2. Isu: Percampuran Emas Dan Perak

Terdapat dua keadaan emas dan perak yang bercampur iaitu:

1. Emas yang bercampur daripada jenis emas sahaja seperti dua jongsong emas yang berlainan dan perak yang bercampur daripada jenis perak sahaja seperti dua jongsong perak yang berlainan.
2. Emas dan perak yang bercampur kedua-duanya seperti memiliki satu jongsong emas dan dua ketul perak.

Keadaan pertama: Emas dan perak yang bercampur dari jenis yang sama.

Menurut al-Kasani (2003), sekiranya terdapat perak yang bercampur dengan perak yang lain, maka perlu dilihat kepada *nisab* perak-perak tersebut. Jika setiap perak tersebut telah mencapai kadar *nisab* masing-masing, maka wajib dikeluarkan zakatnya. Tetapi, jika salah satu daripada perak-perak tersebut belum mencapai kadar *nisab*nya, maka zakat tidak diwajibkan. Ini kerana, perak-perak yang bercampur dari jenis yang sama dikira sebagai satu jenis perak sahaja. Begitu juga keadaannya bagi emas.

Keadaan kedua: Emas dan perak yang bercampur kedua-duanya.

Contohnya, seseorang memiliki simpanan emas dan juga perak dalam satu masa. Oleh itu, terdapat tiga situasi emas dan perak yang bercampur antara kedua-duanya;

1. Sekiranya emas dan perak tersebut telah mencapai paras *nisab* masing-masing tanpa berlaku sebarang pertambahan pada kadar *nisab*nya, maka tidak harus dicampurkan

kedua-dua *nisab* tersebut bahkan hendaklah dikeluarkan zakat secara berasingan bagi emas dan perak.

2. Sekiranya emas dan perak tersebut tidak mencapai kadar *nisab* masing-masing seperti memiliki emas dengan kadar 10 *mithqal* (ukuran berat emas) dan perak dengan kadar 100 dirham, maka hendaklah disatukan dan dicampurkan kedua-dua kadar tersebut sehingga sempurna *nisab* dan dikeluarkan zakatnya.
3. Sekiranya salah satu daripada emas atau perak tersebut telah mencapai kadar *nisab* tetapi yang satu lagi tidak mencapai pada kadar *nisab*nya, seperti memiliki emas dengan kadar 20 *mithqal* tetapi perak dengan kadar 100 dirham, maka hendaklah disatukan dan dicampurkan juga kedua-dua kadar tersebut sehingga sempurna *nisab*nya dan wajib dikeluarkan zakatnya.

Menurut al-Kasani (2003), emas dan perak merupakan dua material yang berbeza dari segi fizikalnya sahaja. Tetapi dari segi nilainya, kedua-duanya merupakan alat yang boleh dijual beli di mana emas boleh dijual dengan perak dan sebaliknya. Oleh itu, kedua-duanya boleh disatukan dan dicampurkan untuk dikeluarkan zakat sekiranya salah satu dari antara satu material yang lain.

Manakala menurut al-Sarakhsi (1989), sekalipun emas dan perak merupakan material yang berbeza tetapi dari segi hukum zakat, kedua-duanya adalah material yang sama di mana ia diwajibkan zakat dengan kadar yang sama sebanyak 2.5%. Bahkan, kedua-duanya diwajibkan zakat berasaskan kepada nilai harga yang terdapat pada emas dan perak tersebut.

3. Barang perhiasan yang tidak diwajibkan zakat

Menurut ulama-ulama al-Hanafiyah, terdapat juga barang perhiasan perempuan yang tidak diwajibkan zakat. Contohnya, permata, intan, delima, mutiara dan sebagainya. Kesemua perhiasan ini tidak diwajibkan zakat kerana ia dijadikan sebagai barang basahan melainkan jika pemilikinya berniat untuk memperniagakan barang-barang tersebut, maka ketika itu wajib dikenakan zakat perniagaan. Bahkan sifat berkembang atau bertambah tidak wujud pada barang-barang tersebut.

PENUTUP DAN CADANGAN

Kesimpulannya, kajian ini memfokuskan aplikasi zakat emas perhiasan mengikut uruf negeri-negeri di Malaysia, serta isu yang melibatkan percampuran emas dan ketulenannya. Hasil kajian ini memerlukan perhatian yang lebih mendalam oleh majlis agama atau pihak berkuasa zakat. Dalam memastikan keadilan sosial, institusi zakat perlu mengambil kira *uruf* setempat serta ketulenan emas bagi menentukan *nisab* yang tepat. Dalam tradisi Islam, pandangan ulama berkaitan zakat emas yang bercampur telah lama dibincangkan. Sebagai contoh, Mazhab Syafie dan Hanbali menegaskan bahawa zakat hanya diwajibkan jika kandungan ketulenan emas mencapai *nisab*, berbanding dengan Hanafi yang mengambil kira kandungan emas secara keseluruhan walaupun bercampur dengan logam lain asalkan percampuran tersebut tidak melebihi 50% kandungan emas.

Walaupun terdapat khilaf pandangan dalam kalangan fuqaha tentang kewajipan zakat emas perhiasan, penggunaan teknologi moden seperti mesin pengesan ketulenan emas boleh membantu meningkatkan ketepatan pengiraan zakat tanpa memerlukan resit pembelian daripada pelanggan (Abu Bakar, 2019). Hal ini kerana realiti di Malaysia, emas perhiasan yang dipakai wanita kebanyakannya tidak tulen sepenuhnya, dimana sering digabungkan dengan logam lain seperti perak. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk memperhalusi kaedah pengiraan zakat dengan teknologi ini mengambil kira isu ketidakadilan dan ketidakpastian mengenai berat dan ketulenan emas. Semua institusi zakat di Malaysia perlu menambah baik mutu pengurusan hal ehwal zakat dalam kutipan mahupun agihan sebagai reaksi terhadap Revolusi Industri 4.0 (Iberahim et al., 2023)

dengan melabur dana dalam teknologi moden ini bagi memudahkan institusi zakat dan memberi keyakinan kepada pembayar zakat dalam memenuhi tanggungjawab mereka.

Berdasarkan penemuan kajian ini terdapat perbezaan kadar *uruf* bagi zakat emas perhiasan di setiap negeri di Malaysia. Kajian mendapati bahawa tidak semua negeri mengaplikasikan kadar *uruf* yang sama, malah terdapat negeri yang masih menggunakan kaedah penentuan zakat tanpa tolakan *uruf*. Adakah ini menimbulkan persoalan keadilan kepada pembayar zakat, kerana jumlah zakat yang perlu dibayar berbeza bergantung kepada negeri. Sehubungan dengan itu, institusi zakat di negeri-negeri berhak menetapkan kadar *uruf* berdasarkan keadaan sosial dan status ekonomi pembayar zakat. Saranan agar lebih banyak kajian dijalankan untuk menyelaraskan amalan zakat emas perhiasan di Malaysia agar sesuai dengan perkembangan semasa dan realiti masyarakat setempat.

Kajian ini juga menekankan bahawa perbincangan mengenai kewajipan zakat emas perhiasan perlu dipertimbangkan dalam konteks realiti semasa. Keputusan Imam Hanafi yang mewajibkan zakat ke atas semua jenis emas perhiasan walaupun dipakai oleh wanita adalah lebih ketat berbanding mazhab Syafie dan Hanbali dalam pengecualian zakat emas perhiasan jika dipakai. Namun realiti kehidupan moden, emas juga dilihat sebagai aset pelaburan yang semakin luas penggunaannya. Oleh itu, penetapan kadar *uruf* dan hukum zakat memerlukan pertimbangan dalam mengambil kira perubahan zaman dan realiti masyarakat moden. Institusi zakat boleh menjalankan lebih banyak kajian lapangan bagi memastikan kadar *uruf* yang digunakan adalah relevan dengan gaya hidup masyarakat kini.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi kefahaman yang mendalam mengenai zakat emas perhiasan di Malaysia. Isu percampuran emas, penentuan kadar *uruf* dan pandangan fuqaha memerlukan penilaian yang bersifat komprehensif dan harmoni selaras dengan perkembangan teknologi, realiti ekonomi dan perubahan sosial dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 100-TNCPI/GOV 16/6/2 (0072024) yang bertajuk Kajian Tafsiran Semula Jenis-Jenis Zakat: Satu Analisis Kontemporari di Negeri Sembilan.

RUJUKAN

Buku

- al-Kasani, 'ala al-Din abu Bakar bin Mas'ud. (2003). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Jilid ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kasani, al-Imam 'Ala al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Hanafi. (2003). *Bada'i al-Sana'i*. Cet. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah liAhkamiha wa falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. cet. ke-25. Jil. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sarakhsi, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad. (1989). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zaila'i, Fahkr al-Din al-Hanafi. (1313h). *Tabyiin al-Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Syilbi*. Jilid pertama. Kaherah: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah.

Jurnal

- Abdullah, M., Sapiei, N.S., & Rohim, S.N. (2023). Disclosure Of Corporate Zakat Among Muslim-Owned Companies In Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 312-320.
- Abu Bakar, M. (2019). Zakat Emas Perhiasan (Al-Huli): Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 17-30.
- Agha, S. E., Saafi, A., & Qayoom, O. A. (2015). Gold Investment from Islamic Perspective: The Case of Malaysia. *International Journal Of Economics And Finance*. 7, 179.

- Bhari, A., Mohamed Yusof, M.F., Khalid, M.M., Yaakob, M.A.Z., & Abdul Razak, M.S. (2019). Aplikasi Fiqh Zakat Emas Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 265-276.
- Iberahim, A., Mat Rani, M.A., & Yahaya, M.H. (2023). Revolusi Industri 4.0 Dalam Agihan Zakat: Platform Ke Arah Pelaksanaan Integrasi Teknologi Sistem Komputer Dan Dunia Fizikal. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 32(1), 35-42.
- Md Ariffin, N.M.F. (2016). Difference of Using 'Urf on Gold Jewellery of Zakah: A Study in Selangor and Malacca. *At - Taradhi Jurnal Studi Ekonomi*, 7(1). 1-22.
- Mohd Sayuthi, M. A. S., & Juisin, H. A. (2022). Factors Determining Zakat Payment on Gold Among Working Adults in Federal Territory, Malaysia: A Preliminary Study. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(2). 24-35.
- Nordin, T., Saro, N., & Yusof, R. M. (2019). Profiling of 'Urf Zakat on Gold Jewelry in Malaysia. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(4), 226-232.
- Rosle, M.N., Mohd Noor, M.A. & Wahid, H. (2019). Cadangan Penyetaraan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 309-332.
- Sreekullkorn, T. (2023). An Unadorned Adornment: The Aesthetics Experience Of An Alterity In The Jewelry. *International Journal of Social Sciences*, 9(3), 65-83.
- Yasin, U.F., Abdul Rahman, N.N., & Rosele, M.I. (2018). Amalan Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 12, 89-100.

Prosiding & Konferens

- Abdullah, M.A., Mohamed, N.A., Che Hassan, L.H., Muhammad Razaki, M., Nik Mohd Adib, N.A.N. (2024). *Metode Pengiraan Zakat Emas Perhiasan Yang Melebihi Kadar Uruf: Satu Perbincangan Menurut Keutamaan Mazhab Syafie Dan Amalannya Di Malaysia*. The 3rd ICONIE Proceedings 2024.
- Garg, S. (2021). A Study of Factors Influencing Investor Behaviour Towards Gold As An Investment Avenue with Factor Analysis. *Materials Today: Proceedings*, 2587-2590.
- Hamid, H. & Wahab, A. (2018). The Analysis of Fatwa Development Regarding to Zakat Collection in Malaysia. In 1st International Conference on Islamic Economics, Business, and Philanthropy, pages 575-580.

Persidangan

- Che Abdullah, A.S. Senior Lecturer, Department of Syariah and Management, Academy of Islamic Studies. *Diskusi Meja Bulat: Zakat terhadap Pendapatan Penyedia Kandungan*. 15 Julai 2024.

Internet

- Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/> (diakses pada 10 September 2024)
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. <https://www.zakat2u.com.my/> (diakses pada 10 September 2024)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.